

25 FEB 2003

NAM-Sri Lanka (Keganasan)/I

KEKERASAN BUKAN JAWAPAN BAGI KEGANASAN - SRI LANKA

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Pemimpin sebuah negara yang telah menyaksikan jumlah orang yang paling banyak terbunuh akibat tindakan pengebom berani mati hari ini berkata beliau "gembira" kerana negara paling berkuasa di dunia iaitu Amerika Syarikat telah merasai kesengsaraan akibat keganasan.

Namun Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga berkata memerangi keganasan dengan kekerasan seperti yang dilakukan AS tanpa mengkaji punca kenapa pengganas bertindak demikian, bukan penyelesaian bagi masalah itu.

"Keganasan merupakan ancaman paling bahaya pada zaman ini, pada akhir abad lepas dan permulaan abad ke-21 tetapi menggunakan kekerasan tidak akan menyelesaikan masalah berkenaan," katanya pada sidang media di luar sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini.

Kumaratunga berkata AS telah mendapat pengajaran dalam tempoh dua tahun ini sejak serangan 11 Sept mengenai penderitaan yang ditanggung Sri Lanka selama lebih dua dekad akibat keganasan oleh Barisan Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) yang berjuang bagi tanah air untuk penduduk minoriti Tamil di bahagian utara dan timur negara itu.

Beliau bersetuju dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa punca keganasan perlu ditangani, menyatakan beliau tidak menyokong tindakan ganas oleh mana-mana orang atau oleh negara paling berkuasa atau negara yang kurang berkuasa.

"Itu yang kita lakukan di Sri Lanka. Puncanya perlu dikendalikan dengan efisien dan pantas. Menyerang keganasan dengan kekerasan dan kekejaman dan mengorbankan berjuta orang untuk beberapa generasi akan datang dan mencemarkan alam sekitar bukan kaedah atau penyelesaian jangka panjang," katanya.

LTTE mempunyai pengebom berani mati terbanyak di dunia dan mereka membunuh paling banyak orang melalui tindakan berani mati, katanya mengenai konflik berdarah yang telah mengakibatkan lebih 60,000 orang terbunuh.

Namun, beliau berkata genjatan senjata antara kerajaan dan LTTE telah dipatuhi sejak setahun lepas, tempoh paling lama perjanjian seumpama itu tidak dicabuli dalam konflik berlanjutan itu.

Beliau berkata rundingan damai yang diusahakan oleh Norway yang bertujuan menamatkan konflik itu telah diadakan setiap bulan sejak lapan bulan lepas dengan mesyuarat akan datang dijadual diadakan bulan depan di Tokyo.

Kumaratunga, yang sering mengkritik kerajaan pimpinan Perdana Menteri Ranil Wickremesinghe berhubung cara beliau mengendalikan proses damai itu, bagaimanapun berkata beliau gembira dengan kerajaan baru yang mengendalikan proses damai itu.

Menurutnya, konflik etnik tercetus oleh "dasar spesifik" terhadap minoriti Tamil pada 1983 yang dilaksanakan oleh kerajaan pada ketika itu yang membawa kepada kira-kira 750,000 orang Tamil berpendidikan tinggi meninggalkan negara itu.

"Golongan Tamil inilah yang tinggal di negara-negara kaya yang membiayai LTTE pada kadar US\$10 seorang setiap bulan atau sekurang-kurangnya US\$6 juta sebulan," katanya ketika ditanya mengenai sumber kewangan bagi tindakan ganas LTTE.

Beliau berkata jelas bahawa perang bukan jawapan kepada konflik di Sri Lanka seperti yang didukung oleh kerajaan terdahulu sebelum beliau memegang tampuk pemerintahan pada 1994.

"Saya amat berpuas hati bahawa kami telah berjaya menakutkan semua orang, termasuk mereka dalam kerajaan yang membantah hasrat saya apabila saya cuba mengadakan mesyuarat pertama proses damai. Akhirnya mereka percaya perdamaian merupakan jalan penyelesaiannya.

"Hasilnya amat positif tetapi ia bukannya mudah," kata Kumaratunga, yang beliau sendiri terselamat dalam satu percubaan pembunuhan oleh LTTE tiga tahun lepas.

-- BERNAMA

AU AU RHM